

-----  
Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 12 November 2021  
-----



## KENYATAAN MEDIA

### BAGI PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KETIGA 2021

---

**KDNK Malaysia menguncup 4.5 peratus pada ST3 2021 namun KDNK bulanan menunjukkan isyarat pemulihan trajektori ekonomi dengan penurunan kecil 1.1 peratus pada September 2021**

**PUTRAJAYA, 12 November 2021** – Jabatan Perangkaan Malaysia hari ini telah menerbitkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi suku tahun ketiga 2021 yang mana menunjukkan prestasi keseluruhan ekonomi Malaysia.

KDNK Malaysia pada suku tahun ketiga 2021 menunjukkan penurunan 4.5 peratus manakala pelarasan musim suku tahun ke suku tahun KDNK menyusut 3.6 peratus (ST2 2021: -1.9%). Di samping itu, prestasi ekonomi bulanan negara semakin pulih daripada kejatuhan 7.6 peratus pada Julai kepada penyusutan 4.7 peratus pada Ogos dan terus bertambah baik kepada negatif 1.1 peratus pada September 2021. Menghampiri penghujung tahun, ekonomi Malaysia bertumbuh 3.0 peratus bagi tiga suku tahun 2021 (3ST 2020: -6.4%).

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Prestasi ekonomi pada suku tahun ketiga 2021 dari segi penawaran dipengaruhi oleh kemerosotan dalam semua sektor utama ekonomi terutamanya sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Sementara itu, dari sudut permintaan, semua komponen perbelanjaan mencatatkan prestasi negatif kecuali Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan”.

Beliau menyatakan bahawa, “Dari segi prestasi sektor, sektor **Perkhidmatan** yang mana merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia menyusut 4.9 peratus pada suku tahun ketiga 2021 berbanding pertumbuhan positif 13.5 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ini dipengaruhi oleh subsektor Perkhidmatan swasta yang merekodkan kejatuhan 6.8 peratus (ST2 2021: 15.2%) disebabkan oleh Perdagangan borong dan runcit dengan penurunan dua digit 11.7 peratus (ST2 2021: 21.0%) diikuti oleh subsektor Perkhidmatan perniagaan (-15.8%) dan Makanan & minuman dan penginapan (-16.5%). Tambahan pula, subsektor Kewangan & insurans meningkat sederhana 4.4 peratus (ST2 2021: 23.3%) disumbangkan oleh segmen kewangan, manakala segmen insurans kekal dengan pertumbuhan yang memberangsangkan. Subsektor Maklumat dan komunikasi berkembang 6.2 peratus berbanding 5.9 peratus

pada suku tahun kedua 2021, disokong prestasi lebih baik dalam segmen telekomunikasi. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, keseluruhan sektor Perkhidmatan menyusut 3.1 peratus (ST2 2021: -3.2%)”.

Sektor **Pembuatan** mencatatkan penurunan marginal 0.8 peratus (ST2 2021: 26.6%) pada suku tahun ketiga 2021. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini jatuh 1.8 peratus. Penyusutan sektor Pembuatan dipengaruhi oleh Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pemberian (-29.6%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (-14.0%). Walau bagaimanapun, Produk petroleum, kimia, getah & plastik (12.6%) dan Produk elektrik, elektronik & optikal (7.1%) berkembang pada kadar lebih perlahan seiring dengan pertumbuhan sederhana dalam eksport barang yang direkodkan pada suku tahun ini.

Sektor **Pertanian** terus menyusut 1.9 peratus (ST2 2021: -1.5%) pada suku tahun ini. Manakala, sektor ini merosot 1.4 peratus bagi terma pelarasan musim. Penguncupan tersebut dipengaruhi oleh subsektor Kelapa sawit dan Akuakultur yang masing-masing merosot 11.1 peratus dan 4.0 peratus. Penurunan subsektor Kelapa sawit disebabkan oleh pengurangan pengeluaran buah tandan segar walaupun harga minyak sawit mentah lebih tinggi. Namun begitu, subsektor Pertanian lain dan Ternakan kekal dengan pertumbuhan positif.

Sektor **Perlombongan & pengkuarian** merosot 3.6 peratus (ST2 2021: 13.9%) pada suku tahun ini dipengaruhi oleh subsektor Minyak mentah & kondensat yang menyusut 8.0 peratus (ST2 2021: 4.9%). Sementara itu, subsektor Gas asli menunjukkan pertumbuhan lebih perlahan 2.1 peratus (ST2 2021: 21.9%). Bagi terma pelarasan musim, sektor ini mencatatkan penurunan 7.2 peratus.

Sektor **Pembinaan** menyusut 20.6 peratus berbanding peningkatan 40.3 peratus pada suku tahun sebelumnya. Sementara itu, sektor Pembinaan merosot 13.5 peratus bagi terma pelarasan musim. Kejatuhan dalam sektor ini terutamanya dipengaruhi oleh penurunan dalam Kejuruteraan awam (-36.1%), Bangunan kediamaan (-27.3%) serta Bangunan bukan kediamaan (-13.3%). Walau bagaimanapun, subsektor Aktiviti pembinaan pertukangan khas terus merekodkan pertumbuhan positif 8.9 peratus (ST2 2021: 58.1%) walaupun bertambah sederhana berbanding suku tahun sebelumnya.

Mengulas lanjut dari segi permintaan, Ketua Perangkawan Malaysia berkata “**Perbelanjaan penggunaan akhir swasta** yang menyumbang 61.0 peratus kepada KDNK suku tahun ketiga 2021, jatuh 4.2 peratus (ST2 2021: 11.7%) dipengaruhi oleh penurunan penggunaan dalam Pengangkutan; Restoran & hotel dan Pakaian & kasut. Penurunan dua digit bagi penggunaan Pengangkutan dipengaruhi oleh pembelian kenderaan bermotor oleh isi rumah yang lebih rendah pada suku tahun ini berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas. Tambahan pula, penurunan dalam Restoran & hotel pada suku tahun ini selari dengan sekatan pergerakan yang lebih ketat berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, prestasi keseluruhan Perbelanjaan penggunaan akhir swasta mencatatkan peningkatan 3.9 peratus”.

**Pembentukan modal tetap kasar (PMTK)** atau pelaburan aset tetap jatuh 10.8 peratus (ST2 2021: 16.5%) pada suku tahun ini. Penurunan bagi PMTK dipengaruhi oleh kejatuhan dua digit dalam Struktur. Walau bagaimanapun, Jentera & peralatan (10.2%) dan Aset lain (8.3%) masih mengekalkan prestasi positif. Bagi

pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, PMTK mencatatkan penurunan 5.8 peratus.

**Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan** berkembang 8.1 peratus (ST2 2021: 9.0%) disokong oleh peningkatan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan yang disebabkan oleh perbelanjaan berkaitan dengan kesihatan pada suku tahun ini. Penggunaan yang tinggi dalam perkhidmatan kesihatan ini dapat digambarkan melalui usaha kerajaan dalam mencapai sasaran penuh vaksinasi di kalangan populasi dewasa bagi mencapai imuniti kelompok di Malaysia. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 5.2 peratus (ST2 2021: -1.1%).

Ketua Perangkawan turut menyatakan bahawa “Import berkembang 11.7 peratus (ST2 2021: 37.6%) berbanding Eksport yang bertumbuh 5.1 peratus (ST2 2021: 37.4%) pada suku tahun ketiga 2021. Ini telah menyebabkan **Eksport bersih** merosot 37.5 peratus daripada pertumbuhan 34.3 peratus pada suku tahun sebelumnya”.

Secara ringkas, Ketua Perangkawan menyatakan, negara menjangkakan pertumbuhan pengeluaran yang lebih baik seiring dengan peningkatan bahan mentah yang diimport dan pertumbuhan positif berterusan dalam pelaburan Jentera & peralatan yang membawa kepada perspektif lebih baik bagi potensi momentum ekonomi pada masa akan datang. Harga komoditi yang lebih tinggi ditunjukkan dengan pertumbuhan positif 2.3 peratus KDNK pada harga semasa akan meningkatkan pendapatan per kapita dan menggalakkan penggunaan isi rumah. Tambahan pula, kelonggaran sekatan pergerakan akan merancakkan semula ekonomi termasuk industri berkaitan pelancongan dalam masa terdekat.

Merumuskan situasi ekonomi secara keseluruhan, Ketua Perangkawan menyatakan, “Indikator ekonomi jangka pendek, Indeks Pelopor (IP) pada Ogos 2021 memberi isyarat bahawa ekonomi Malaysia berkemungkinan besar semakin baik pada bulan-bulan berikutnya. Ini selari dengan peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi kebanyakan negeri dan lebih banyak aktiviti ekonomi boleh beroperasi semula dengan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP). Seterusnya, pemulihan ekonomi akan disokong oleh agenda jangka panjang global dan nasional sepanjang tempoh 2021 sehingga 2025 seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-12 dan akhirnya mampu memulihkan kembali momentum pertumbuhan ekonomi”.


Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bincian, sila hubungi DOSM ditalian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut.

Diterbitkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**12 NOVEMBER 2021**


## LAMPIRAN 1

**Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), ST1 2018 – ST3 2021**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 2: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan pada Harga Malar 2015, ST1 2018 – ST3 2021**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 3: Pertumbuhan KDNK Bulanan pada Harga Malar 2015, Jan. 2020 – Sept. 2021**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, ST2 – ST3 2021**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 5: Pertumbuhan KDNK Bulanan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, Julai – Sept. 2021**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 6: KDNK Pelarasan Musim (Peratus Perubahan dari Suku Tahun Sebelumnya), ST2 2015 – ST3 2021**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

-----  
Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Friday, 12<sup>th</sup> November 2021  
-----



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## MEDIA STATEMENT

### FOR MALAYSIA ECONOMIC PERFORMANCE THIRD QUARTER OF 2021

---

***Malaysia's GDP declined 4.5 per cent in Q3 2021 whereas monthly GDP signals to regain economic trajectory with a small contraction of 1.1 per cent in September 2021***

**PUTRAJAYA, 12 November 2021** – The Department of Statistics, Malaysia today released the Gross Domestic Product (GDP) for the third quarter of 2021, which presents the overall performance of Malaysia's economy.

Malaysia's GDP in the third quarter of 2021 showed a decrease of 4.5 per cent while the quarter-on-quarter seasonally adjusted GDP contracted 3.6 per cent (Q2 2021: -1.9%). Correspondingly, the nation monthly economic performance gradually improved from a contraction of 7.6 per cent in July to a decline of 4.7 per cent in August and further improved to negative 1.1 per cent in September 2021. Approaching year end, Malaysia's economy grew 3.0 per cent for the sum of three quarters of 2021 (3Qs 2020: -6.4%).

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The economic performance in the third quarter of 2021 on the supply side was attributed by the downturn in all major economic sectors mainly Manufacturing and Services sectors. Meanwhile, on the demand side, all expenditure components experienced negative performance except for Government final consumption expenditure".

He added that, "In terms of sectoral performance, the **Services** sector which was the main contributor to the Malaysia's economy contracted 4.9 per cent in the third quarter of 2021 as compared to a positive growth of 13.5 per cent in the preceding quarter. This performance was attributed to the Private services sub-sector, which recorded a fall of 6.8 per cent (Q2 2021: 15.2%) due to Wholesale & retail trade with double-digit decline of 11.7 per cent (Q2 2021: 21.0%) followed by Business services (-15.8%) and Food & beverages and accommodation (-16.5%) sub-sectors. Nevertheless, Finance &

*Insurance sub-sector grew moderately at 4.4 per cent (Q2 2021: 23.3%) contributed by the finance segment, while the insurance segment remains on a favourable growth. Information and communication sub-sector expanded to 6.2 per cent against 5.9 per cent in the second quarter of 2021, supported by a better performance in the telecommunication segment. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the overall Services sector declined 3.1 per cent (Q2 2021: -3.2%)”.*

*The **Manufacturing** sector posted a marginal decline of 0.8 per cent (Q2 2021: 26.6%) in the third quarter of 2021. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector fell 1.8 per cent. The decline of Manufacturing sector was affected by the Transport equipment, other manufacturing and repair (-29.6%) and Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (-14.0%). However, Petroleum, chemical, rubber & plastic products (12.6%) and Electrical, electronic & optical products (7.1%) grew at a slower pace in line with the moderate growth in exports of goods recorded in this quarter.*

*The **Agriculture** sector continued to decrease 1.9 per cent (Q2 2021: -1.5%) in this quarter. Meanwhile, this sector decline 1.4 per cent on a seasonally adjusted terms. The downturn of Agriculture sector was influenced by the Oil palm and Aquaculture sub-sectors which declined at 11.1 per cent and 4.0 per cent, respectively. The decrease of Oil palm sub-sector was due to the lower production in fresh fruit bunches despite higher price in crude palm oil. Nonetheless, Other agriculture and Livestocks sub-sectors remained positive growth.*

*The **Mining & quarrying** sector decreased 3.6 per cent (Q2 2021: 13.9%) in this quarter influenced by Crude oil & condensate sub-sector which declined 8.0 per cent (Q2 2021: 4.9%). Meanwhile, the Natural gas sub-sector showed a slower growth of 2.1 per cent (Q2 2021: 21.9%). In terms of seasonally adjusted, this sector registered a decrease of 7.2 per cent.*

*The **Construction** sector contracted 20.6 per cent as compared to an increase of 40.3 per cent in the preceding quarter. Nevertheless, Construction sector declined 13.5 per cent on a seasonally adjusted terms. The decline in this sector was mainly influenced by the fall in Civil engineering (-36.1%), Residential buildings (-27.3%) as well as Non-residential buildings (-13.3%). On the contrary, Specialised construction activities continued to record a positive growth of 8.9 per cent (Q2 2021: 58.1%) albeit a moderation from the previous quarter.*

*Commenting further on the demand side, the Chief Statistician Malaysia stated that “**Private final consumption expenditure** which contributed 61.0 per cent to GDP in the third quarter of 2021, declined 4.2 per cent (Q2 2021: 11.7%) attributed to the lower consumption in Transport; Restaurants & hotels and Clothing & footwear. The double-digit decline for consumption of Transport was attributed to the lower purchase of motor vehicles by households in this quarter compared to the same period of last year. Moreover, the decrease in Restaurants & hotels during this quarter was in line with strict movement restrictions as compared to the same quarter of the previous year. On a seasonally adjusted quarter-on-quarter terms, the overall performance of Private final consumption expenditure posted an increase of 3.9 per cent”.*

***Gross fixed capital formation (GFCF)** or investment on fixed assets declined 10.8 per cent (Q2 2021: 16.5%) in this quarter. The decrease of GFCF was influenced by the double-digit decline in Structure. However, Machinery & equipment (10.2%) and*

*Other assets (8.3%) remained a positive performance. On a quarter-on-quarter seasonal adjusted performance, the GFCF registered a decrease of 5.8 per cent.*

**Government final consumption expenditure** rose to 8.1 per cent (Q2 2021: 9.0%) supported by higher spending on supplies and services attributed to the health-related expenditure in this quarter. The high consumption on health services was reflected by the government efforts to reach the target of fully vaccinated of the adult population to achieve herd immunity in Malaysia. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, Government final consumption expenditure increased 5.2 per cent (Q2 2021: -1.1%).

*He also mentioned that “The Imports has expanded to 11.7 per cent (Q2 2021: 37.6%) compared to Exports which grew 5.1 per cent (Q2 2021: 37.4%) in the third quarter 2021. This has resulted the **Net exports** contracted 37.5 per cent from a growth of 34.3 per cent in the preceding quarter”.*

*In sum, the Chief Statistician stated, the nation foresee a better production growth following the increase of imported raw materials and continuous positive growth in investment of Machinery & equipment that led to a healthier perspective for future potential economic momentum. Higher commodity prices which translated to a positive growth of 2.3 per cent of GDP in nominal terms will increase income per capita and encourage household consumption. Furthermore, the ease of movement restrictions will revitalise the economy including tourism related industry in near terms.*

*Concluding the overall economic situation, the Chief Statistician said, “The short-term economic indicator, Leading Index (LI) in August 2021 signals that the Malaysia’s economy is most likely to pick up in the upcoming months. This is in line with the transition of more states under the National Recovery Plan (NRP) and more economic activities are allowed to resume operations with compliance to Standard Operating Procedures (SOPs). Moving forward, the economic recovery will be backed by the long term global and national agendas throughout 2021 to 2025 as outlined in the 12th Malaysia Plan and ultimately able to restore the economic growth momentum”.*

*Thank you and highest appreciation to all Malaysians, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88-7720 for further information.*


*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**


**12 NOVEMBER 2021**

**Chart 1: Gross Domestic Product (GDP), Q1 2018 – Q3 2021**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 2: Quarterly GDP Growth at Constant 2015 Prices, Q1 2018 – Q3 2021**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 3: Monthly GDP Growth at Constant 2015 Price, Jan. 2020 – Sept. 2021**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 4: Quarterly GDP Growth by Kind of Economic Activity, Q2 – Q3 2021**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 5: Monthly GDP Growth by Kind of Economic Activity, July – Sept. 2021**



Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 6: Seasonally Adjusted GDP (Percentage Change from Preceding Quarter), Q2 2015 – Q3 2021**



Source: Department of Statistics Malaysia